

## **KEADILAN TERAS KEPIMPINAN RAJA-RAJA MELAYU: DARI ERA TRADISI KE KONTEMPORARI**

*MUHD NORIZAM JAMIAN*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*norizam@ukm.my*

*MOHD YUSZAIIDY MOHD YUSOFF*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*yuszaidy@ukm.my*

*MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*muammar@ukm.my*

*YUSMILAYATI YUNOS*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*yusmila@ukm.my*

### **ABSTRAK**

Kajian ini membincangkan mengenai konsep keadilan dalam kepimpinan raja-raja Melayu yang menjadi fokus pembicaraan karya-karya ketatanegaraan Melayu tradisional. Hal ini menjadikan karya-karya ketatanegaraan Melayu tradisional amat penting sebagai wadah pembentukan peradaban manusia bagi melahirkan pemimpin yang adil dalam memenuhi tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah dan sekali gus hamba-Nya di muka bumi. Bagi menganalisis konsep keadilan raja-raja Melayu semasa era tradisi, data kajian melibatkan karya-karya ketatanegaraan Melayu tradisional yang dihasilkan atau disalin dari abad ke-15 hingga ke-19. Antara lain karya-karya tersebut meliputi *Taj al-Salatin*, *Bustan al-Salatin*, *Kitab Nasihat Raja-Raja*, dan *Thamarat al-Muhimmah*. Analisis konsep keadilan raja-raja Melayu dalam era kontemporari pula bersumberkan Perlembagaan Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan adab berasaskan model kerangka pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001). Hasil kajian membuktikan bahawa karya-karya ketatanegaraan Melayu tradisional berperanan sebagai penanam adab bagi melahirkan pemimpin yang adil, yang seimbang dari segi rohani dan jasmani serta ukhrawi dan duniawi. Karya-karya ketatanegaraan Melayu tradisional menjadi panduan kepada khalayak menjalin hubungan dengan Tuhan selaku Pencipta (*hablumminallah*) dan hubungan sesama manusia (*hablumminannas*) di samping menjelaskan status peranan bagi setiap manusia di dunia - sebagai khalifah Allah dan pada masa yang sama selaku hamba-Nya. Prinsip keadilan ini diteruskan oleh raja-raja Melayu dalam era kontemporari.

**Kata kunci:** keadilan; ketatanegaraan; pemimpin; tradisi, kontemporari

## JUSTICE AS THE CORE LEADERSHIP OF THE MALAY KINGS: FROM TRADITIONAL TO CONTEMPORARY ERA

### ABSTRACT

This study discusses the concept of justice in the leadership of the Malay rulers which became the focus of discussion of traditional Malay state administration works. It makes the traditional Malay state administration works very important as a forum for the formation of human civilization to produce fair leader in fulfilling its responsibilities as a caliph of God and thus His servants on earth. To analyse the concept of justice of the Malay rulers during the era of tradition, the data studied involves the traditional Malay state administration works generated or copied from the 15th to the 19th century including *Taj al-Salatin*, *Bustan al-Salatin*, *Kitab Nasihat Raja-Raja*, and *Thamarat al-Muhimmah*. Analysis of the concept of justice of the Malay rulers in the contemporary era is based on the Malaysian Constitution. This study applies Syed Muhammad Naquib Al-Attas's (2001) framework on *adab*. The study demonstrates that traditional Malay literature has played the important role of generating knowledge towards producing a noble, well-balanced individual, spiritually and physically, in this world and the hereafter. Traditional Malay literature is apparently conceived by its readership as providing enlightening principles in seeking for a guided relationship both with their Creator (*hablumminallah*) and fellow human beings (*hablumminannas*) as well as explicating the divine purposes of every living human being in this world to become His vicegerent and servant. The principle of justice is perpetuated by the Malay rulers in the contemporary era.

**Keywords:** justice; state administration; leader; tradition; contemporary

### PENGENALAN

Kejayaan atau kegagalan sesuatu organisasi dalam mencapai matlamat yang dirancang sangat bergantung kepada pemimpin dan kepimpinannya. Kejayaan seorang pemimpin dinilai berdasarkan pelbagai aspek, termasuk kemampuannya dalam membawa masyarakat yang dipimpinya dalam menghadapi pelbagai cabaran dan isu-isu yang berkembang seperti tadbir urus yang baik (Rahmani & Ratnawati, 2014). Dalam Islam, konsep kepimpinan yang diterapkan adalah bersifat menyeluruh dan holistik serta bertunjangkan keadilan. Keadilan tidak terbatas tentang soal pemerintahan, kehakiman dan hukum-hakam semata-mata sebaliknya mencakupi keseluruhan sudut kehidupan manusia tanpa sebarang pengecualian. Islam memandang keadilan bukanlah sekadar pembahagian sama rata kerana pembahagian tersebut akan menyebabkan ada pihak yang dizalimi kerana tidak mendapat haknya ataupun mendapat sesuatu yang bukan haknya. Justeru pengertian keadilan yang sebenar ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya yang benar dan wajar (Wan Mohd Nor, 2005: 45). Dengan kata lain, keadilan melibatkan pemberian hak kepada pihak yang berhak. Keadilan dalam Islam juga tidak sama dengan berkecuali atau sikap neutral kerana keadilan itu adalah berpihak pada kebenaran (Wan Mohd Nor, 2005: 75).

Makalah ini akan memberikan tumpuan terhadap aspek keadilan yang disuguhkan melalui karya-karya ketatanegaraan Melayu tradisional dalam membentuk peribadi pemimpin bersifat insan adabi. Dalam teks-teks ketatanegaraan Melayu tradisional ini, istilah raja, sultan, pemerintah dan orang besar-besar sering digunakan bagi merujuk pada konsep pemimpin (Nazri & Abdul Latif, 2012: 91). Pemimpin diberikan kedudukan yang istimewa kerana dianggap

sebagai penyambung usaha kekhilafahan yang dimulakan oleh Nabi Muhammad SAW. Sehubungan itu aspek keadilan menjadi dominan dalam konsep kepimpinan Islam. Prinsip keadilan ini diteruskan oleh raja-raja Melayu dalam era kontemporari.

### METODOLOGI DAN SKOP KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan penelitian terhadap kandungan di dalam teks. Bagi menganalisis aspek keadilan raja-raja Melayu semasa era tradisi, data kajian melibatkan karya-karya ketatanegaraan Melayu tradisional yang dihasilkan atau disalin dari abad ke-15 hingga ke-19. Antara lain karya-karya tersebut meliputi *Taj al-Salatin*, *Bustan al-Salatin*, *Kitab Nasihat Raja-Raja*, dan *Thamarat al-Muhimmah*. Analisis aspek keadilan raja-raja Melayu dalam era kontemporari pula bersumberkan Perlembagaan Malaysia.

Kajian ini dilakukan berteraskan kepada pendekatan adab dengan memberi fokus terhadap aspek keadilan. Konsep keadilan dalam Islam adalah bersifat menyeluruh. Keadilan tidak terbatas tentang soal pemerintahan, kehakiman dan hukum-hakam semata-mata sebaliknya mencakupi keseluruhan sudut kehidupan manusia tanpa sebarang pengecualian. Islam memberikan huraian pengertian keadilan sebagai meletakkan sesuatu pada tempatnya yang benar dan wajar (Wan Mohd Nor, 2005: 45). Dengan kata lain, keadilan melibatkan pemberian hak kepada pihak yang berhak. Keadilan dalam Islam juga tidak sama dengan berkecuali atau sikap neutral kerana keadilan itu adalah berpihak pada kebenaran (Wan Mohd Nor, 2005: 75).

Kupasan mengenai pengertian adab pula telah dilakukan dengan panjang lebar oleh para sarjana seperti Wan Mohd Nor (2005), Rahmah (2010) dan Syed Muhammad Naquib (2001). Istilah *adab* mempunyai makna yang luas dan mendalam. Wan Mohd Nor (2005: 118) menjelaskan bahawa pada peringkat awal, perkataan *adab* membawa maksud undangan ke sebuah bankuet atau jamuan. Namun, *adab* kemudian digunakan dalam konteks yang lebih terbatas seperti merujuk pada kajian kesusasteraan dan etika profesional serta kemasyarakatan.

Rahmah Ahmad Osman (dalam Ungku Maimunah, 2010: 19-82) pula mentakrifkan adab sebagai himpunan kepada kebaikan. Kalimah adab mempunyai kaitan makna dengan kalimah *al-ma'dubah* iaitu hidangan makanan yang dijamu ketika majlis perkahwinan. Berdasarkan pengertian ini, adab mempunyai nilai yang amat tinggi kerana ia menghidangkan manusia dengan pelbagai bentuk kebaikan untuk santapan khalayaknya. Adab juga ditakrifkan sebagai sesuatu yang diaplikasikan oleh *al-adib* (sasterawan) untuk memperbetulkan manusia ke arah sifat-sifat terpuji dan menghindari manusia daripada sifat-sifat tercela.

Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001: 118) pula mendefinisikan *adab* sebagai "...pengenalan serta pengakuan akan hak keadaan sesuatu dan kedudukan seseorang, dalam rencana susunan berperingkat martabat dan darjat, yang merupakan hakikat yang berlaku dalam tabiat semesta". Jelas Syed Muhammad Naquib (2001: 142) lagi *adab* melibatkan "...pengenalan serta pengakuan diri tentang adanya martabat di kalangan makhluk jelata, dan adanya darjat pada tiap pernisbahan yang berlaku dalamnya". Dengan kata lain, *adab* adalah (Wan Mohd Nor, 2005: 119),

...pengenalan dan pengakuan terhadap realiti bahawa ilmu dan segala sesuatu yang ada terdiri daripada hierarki yang sesuai dengan kategori dan tingkatannya, dan bahawa seseorang itu memiliki tempatnya masing-masing dalam kaitannya dengan realiti, kapasiti, potensi fizik, intelektual, dan spiritualnya.

Menurut Syed Muhammad Naquib, adab mempunyai hubungan yang erat dengan ilmu (*'ilm*), kebijaksanaan (*hikmah*), keadilan (*'adl*) dan kebenaran (*haqq*). Manusia yang beradab hendaklah mempunyai ilmu, tahu dan kenal bahawa setiap orang dan perkara mempunyai hak dan kedudukannya yang benar. Seseorang yang beradab juga bukan sekadar tahu dan kenal hak dan kedudukan itu, malah mengakui hak dan kedudukan itu dengan perbuatan (*'amal*). Justeru itu, orang yang beradab harus bertindak memberikan hak dan kedudukan kepada yang benar-benar berhak (Nor Asma & Muhd Norizam, 2016: 50-66).

Penanaman adab dalam diri seseorang akan melahirkan manusia bergelar *insan adabi* (insan beradab) atau dikenali juga sebagai *insan kamil* (manusia sempurna). Insan adabi ialah manusia yang berusaha menanamkan kualiti kebaikan dalam kehidupan spiritual dan material; rohani dan jasmani (Wan Mohd Nor, 2005: 117). Insan kamil pula dikaitkan dengan sifat-sifat sempurna Tuhan yang seharusnya ditiru oleh manusia. Contoh ideal bagi insan adabi dan insan kamil ini ialah Nabi Muhammad SAW selaku kemuncak segala manusia yang berperibadi tinggi (Wan Mohd Nor, 2005: 117). Kemudian diikuti oleh semua nabi dan para hamba pilihan-Nya, iaitu para aulia dan ulama yang mempunyai ilmu dan kehidupan spiritual yang sangat mendalam. Semakin seseorang itu memiripkan dirinya dengan sifat sempurna yang Mutlak ini, semakin sempurnalah dirinya (Hari, 1985: 107-126).


#### **KEADILAN DALAM KETATANEGARAAN MELAYU TRADISIONAL: ANTARA HAMBAN DAN KHALIFAH**

Islam telah meletakkan keadilan sebagai antara tonggak penting dalam kehidupan umatnya. Islam juga telah memberikan definisi yang khusus dan jelas berhubung keadilan iaitu meletakkan sesuatu pada kedudukannya yang tepat, benar dan wajar dalam segenap aspek amalan kehidupan manusia (Muhd Norizam, 2012). Berbeza dengan Barat yang menggariskan bahawa keadilan harus melibatkan dua pihak, misalnya antara masyarakat dan negara atau rakyat dan raja, Islam sebaliknya menetapkan keadilan bermula dan berakhir dalam diri setiap manusia itu sendiri (Wan Mohd Nor, 2005: 45; Syed Muhammad Naquib, 2001: 37).

Konsep keadilan yang berpunca pada diri sendiri ini adalah berdasarkan ikatan Perjanjian Asali antara manusia dengan Tuhan sebelum ia lahir ke dunia ini. Hal ini berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud, “Apabila Tuhanmu mengeluarkan daripada anak Adam – daripada tubuhnya - zuriatnya dan menyuruhnya mengangkat saksi terhadap dirinya dengan berkata: ‘Bukankah Aku Tuhan kamu?’ - Maka mereka berkata: ‘Ya! - Kami saksikan!’” (Surah *al-A'raf*: 172).

Kontrak individu antara setiap manusia dengan Tuhan ini bukan sahaja melibatkan kesaksian dan pengakuan keberadaan Tuhan yang menciptanya tetapi juga mengandungi aku janji untuk berkhidmat kepada Sang Pencipta, melaksanakan tugas yang diamanahkan serta memikul tanggungjawab yang telah ditetapkan ke atas tiap-tiap diri manusia (Syed Muhammad Naquib, 2001: 37-39 & 84). Perjanjian ini secara tidak langsung telah mengabsahkan kedudukan dan peranan manusia sebagai khalifah di muka bumi dan sekali gus hamba yang tunduk pada Khaliknya. Hal ini diperlihatkan menerusi Rajah 1. Justeru manusia yang adil hendaklah menyeimbangkan peranannya sebagai pentadbir alam ini di samping beribadah pada Tuhan yang telah menjadikannya (Syed Muhammad Naquib, 1977: 51). Hal ini bersesuaian dengan maksud keadilan menurut Syed Muhammad Naquib (1977: 50),

Segala hal atau keadaan di mana terdapat atau terlaksana suatu suasana keseimbangan yang mencirikan bahawa tiap sesuatu yang berada dalam keadaan demikian itu telah mencapai tempat yang tepat sempurna baginya masing-masing.



Rajah 1 Peranan insan sebagai khalifah Allah SWT dan hamba-Nya

Rajah 1 memperlihatkan bahawa manusia tidak dapat lari daripada melalui lingkaran hubungan dengan Tuhan selaku Pencipta (*hablumminallah*) dan hubungan sesama manusia (*hablumminannas*). Rangkaian hubungan yang bersifat vertikal (antara manusia dengan Tuhan) dan horizontal (antara sesama manusia) ini menyebabkan wujudnya dua status peranan bagi setiap manusia di dunia - sebagai khalifah Allah dan pada masa yang sama selaku hamba-Nya. Kedua-dua bentuk peranan ini harus dilaksanakan dengan seimbang dan sebaik-baiknya.

Dalam proses pembentukan pemimpin, insan yang adil terhadap dirinya sendiri ialah insan yang patuh pada Perjanjian Asali dan melaksanakan tanggungjawabnya sebagai *Abdullah* (hamba Allah) dan *Khalifatullah* (khalifah Allah). Golongan yang mengingkari perjanjian tersebut dianggap telah menzalimi diri mereka sendiri. Hal ini kerana insan yang adil bererti telah “menempatkan dirinya pada tempat yang tepat, yang sehati dengan bawaan tabiat semula jadinya, dan dengan demikian telah dapat mencapai taraf kemurnian insaniah yang

membawanya setingkat demi setingkat kepada makam diri yang tenteram sempurna menikmati kesejahteraan hakiki” (Syed Muhammad Naquib, 2001: 39).

Dari perspektif lain, terdapat dua jalur prinsip yang menjadi asas atau dasar keadilan dalam Islam. Pertama, keadilan dalam Islam melibatkan usaha meletakkan sesuatu pada kedudukannya yang tepat, benar dan wajar dalam setiap sudut kehidupan manusia. Kedua, perlakuan yang adil itu akan membawa kepada keseimbangan atau situasi *equilibrium* dalam kehidupan manusia tersebut bukan sahaja dalam latar kehidupan yang fana tetapi juga kehidupan yang abadi.

Berdasarkan kerangka tersebut, keadilan dalam konteks pembentukan seorang pemimpin boleh dipecahkan pada dua bahagian, iaitu keadilan pada diri dan keadilan sebagai khalifah. Keadilan pada diri merujuk pada sejauh mana seseorang insan itu mampu melaksanakan kewajipan sebagai hamba yang tunduk dan patuh pada Penciptanya. Keadilan pada diri meletakkan kedudukan diri insan itu sebagai hamba yang perlu menjaga hubungan langsungnya dengan Allah SWT (*hablumminallah*). Keadilan sebagai khalifah pula meletakkan taraf insan itu sebagai pemimpin yang dituntut untuk memakmurkan bumi ciptaan Allah SWT ini. Sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi, manusia bertanggungjawab menunaikan amanah Allah SWT untuk melestarikan alam dan menjalin hubungan baik sesama manusia serta makhluk lainnya (*hablumminannas*).

Prinsip keadilan ini turut ditonjolkan dalam khazanah kesusasteraan Melayu tradisional terutama dalam genre ketatanegaraan. Namun keadilan tidak boleh berdiri sendiri sebaliknya harus melibatkan ilmu dan kebijaksanaan. Keadilan menduduki hierarki ketiga selepas ilmu dan kebijaksanaan dalam proses pembentukan seorang pemimpin. Dalam usaha menzahirkan pemimpin yang ideal dalam Islam, hasil kesusasteraan Melayu tradisional yang mengandungi pelbagai ilmu duniawi dan ukhrawi menjadi wadah yang efektif serta berkesan untuk mendorong khalayak berfikir dengan akal dan mata hati di samping naluri sehingga melahirkan kebijaksanaan (Muhd Norizam & Shaiful Bahri, 2016). Kebijaksanaan merupakan suatu proses bagi seseorang insan itu menilai dan membuat pertimbangan dalam usahanya meletakkan sesuatu pada kedudukannya yang tepat, benar dan wajar. Melalui kebijaksanaan inilah seseorang insan dapat meletakkan sesuatu pada kedudukannya yang tepat, benar dan wajar lalu mencetuskan keadilan. Dengan kata lain, keadilan merupakan suatu tindakan, langkah, perbuatan dan perlakuan yang tercerna hasil daripada ilmu dan kebijaksanaan yang diperoleh melalui reruang ketatanegaraan Melayu tradisional.

### **Keadilan Pada Diri**

Dalam proses melahirkan insan yang sempurna, hasil ketatanegaraan Melayu tradisional memaparkan unsur keadilan yang patut ditanam dalam diri setiap hamba-Nya. Keadilan seorang hamba bererti keadilan pada diri sendiri hasil ikatan Perjanjian Asali setiap manusia dengan Allah SWT. Di samping mengakui kebesaran Tuhan, insan yang adil pada diri perlu meletakkan kedudukan mereka selaku hamba yang wajib menyempurnakan ibadah mengikut cara yang diperkenan oleh Rajanya yang Hak dan Tuannya yang Mutlak (Syed Muhammad Naquib, 1977: 33). Dengan kata lain, bentuk keadilan pada diri yang ditampilkan dalam karya-karya kesusasteraan Melayu tradisional adalah keadilan dalam hubungan seorang hamba dengan Pencipta (*hablum minallah*).

Keadilan pada diri bermaksud tidak menzalimi diri sendiri, sebaliknya berusaha untuk mengenal diri yang sebenar dan mencari cara terbaik untuk mengendalikan diri demi

kemaslahatan kehidupan di dunia dan akhirat (Noridah, 2008: 36). Lawan keadilan ialah kezaliman iaitu meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya secara sedar; mengelirukan atau menyalahgunakan sesuatu; melebihi atau melampaui batas dan maksud sesuatu; dan menyeleweng dari jalan serta perbuatan yang benar (Syed Muhammad Naquib, 1977: 51).

Pentingnya keadilan pada diri adalah kerana diri menjadi kunci rahsia faham dan dasar akhlak dalam Islam. Akhlak merupakan satu sifat atau sikap keperibadian yang melahirkan perbuatan manusia dalam usaha membentuk kehidupan yang sempurna berdasarkan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Allah SWT (Tengku Intan Marlina & Salinah 2012: 2). Akhlak itu bukanlah terbatas kepada hal yang berkaitan dengan hubungan antara manusia sahaja, sebaliknya ia merangkumi hubungan antara manusia dan pencipta-Nya juga (Zuraidah, Zahir & Nuwairi 2012). Diri pula merupakan tumpuan bagi kalbu, roh, nafsu-nafsi dan akal yang membentuk suatu hakikat rohaniah (Syed Muhammad Naquib, 2001: 83-84). Manusia yang dapat mengenal dirinya bererti dia berjaya mengenal Penciptanya (al-Ghazali, 2000: ii). Sehubungan itu, manusia yang tidak dapat mengenali diri sendiri bukan sahaja jahil terhadap diri malahan jahil pula terhadap Khaliknya. Kejahilan manusia terhadap diri sendiri akan membina tembok pemisah yang membawa kepada keruntuhan kerohanian manusia itu sendiri. Manusia yang adil pada diri perlu meletakkan dirinya sebagai hamba yang tunduk dan patuh pada setiap perintah Khaliknya. Mereka juga harus menggunakan akal yang ada pada diri setiap insan bagi mencerap ilmu, mencerna kebijaksanaan dan seterusnya menzahirkan keadilan.

### **Meletakkan diri sebagai hamba**

Keadilan dalam Islam bermula dan berakhir dalam diri setiap manusia itu sendiri. Manusia yang adil pada dirinya sendiri akan berjaya mengenali diri sendiri dan kedudukannya di sisi Tuhan yang Esa. Manusia tersebut akan berasa insaf bahawa dia berhutang diri, budi dan daya secara mutlak kepada Allah SWT (Syed Muhammad Naquib, 1977: 20). Manusia yang insaf akan berasa berhutang budi kepada Allah SWT yang telah menciptanya dan mengurniakan pelbagai nikmat sepanjang kehidupannya di dunia.

Penegasan bahawa setiap manusia perlu mengenal diri dalam usaha untuk berlaku adil pada diri ditegaskan oleh Bukhari al-Jauhari melalui *Taj al-Salatin*. Fasal pertama karya tersebut menekankan “peri mengenal dirinya manusia supaya mengetahui ia bahawa mulanya itu daripada apa dan adanya betapa”. Judul penuh fasal pertama *Taj al-Salatin* ialah “Fasal yang pertama pada menyatakan peri mengenal dirinya manusia supaya mengetahui ia bahawa mulanya itu daripada apa dan adanya betapa dan adanya itu dengan bagai-bagai peri siapa” (Khalid 1992: 9). Menerusi fasal tersebut, Bukhari memulakan perbincangan dengan mengungkapkan hadis, “Barang siapa mengenal dirinya, maka sesungguhnya ia mengenal Tuhannya,” dan seterusnya menghuraikan (Khalid, 1992: 9),

Bermula daripada erti hadith ini nyatalah bahawa yang tiada dapat tidak daripada mengenal dirinya manusia pada pertama, maka dapat ia mengenal Tuhannya pada kemudiannya kerana jika manusia itu tiada mengenal dirinya dan tiada mengetahui akan perinya itu, maka tiadalah dapat ia mengenal maut pun daripada barang sesuatu yang ada ini.

Bukhari kemudiannya menerangkan dengan terperinci proses kejadian manusia yang berpunca daripada setitik air mani yang terpancar keluar dari antara pinggang dan tulang dada

manusia lelaki. Air mani lelaki ini kemudiannya disenyawakan dengan telur di dalam rahim perempuan (setelah lelaki dan perempuan itu melalui proses persetubuhan) dan beransur-ansur membentuk seketul darah, tulang dan daging sehingga akhirnya menjadi janin yang mempunyai anggota rupa manusia yang lengkap. Allah SWT kemudiannya meniupkan roh pada janin tersebut dan menetapkan rezeki serta umurnya sebelum lahir ke dunia selepas dikandung ibunya selama “sembilan bulan, sembilan hari dan sembilan ketika” (Khalid, 1992: 10). Perbincangan tentang asal usul kejadian manusia dalam fasal pertama ini diteruskan dengan tiga fasal berikutnya yang menghuraikan tentang kebesaran Allah SWT, hakikat kehidupan di dunia dan saat-saat kematian.

Secara keseluruhannya, empat fasal pertama *Taj al-Salatin* ini memberikan penegasan bahawa manusia adalah makhluk ciptaan Allah SWT. Segala bentuk kejadian itu sama ada manusia, dunia dan setiap makhluk lainnya merupakan ketentuan-Nya. Sebagai makhluk ciptaan Tuhan, manusia harus menyedari kekuasaan dan kebesaran Allah SWT berbanding kekerdilan mereka. Oleh yang demikian, setiap manusia wajib mensyukuri segala nikmat yang telah dikurniakan kepadanya dan seterusnya tunduk kepada-Nya. Justeru manusia perlu meletakkan dirinya sebagai hamba kepada Tuannya yang Mutlak iaitu Allah SWT dalam usahanya berlaku adil pada diri. Kupasan lanjut tentang hal ini diberikan oleh Braginsky (1994: 209-210), “... kebesaran manusia berpunca daripada rupa Khalik yang indah dan sempurna yang tersimpan dalam dirinya. Maka dengan mengenal dirinya itu, manusia dapat mendedahkan rupa tersebut kepada pandangan dunia setelah menjadi insan kamil yang dikurniakan gelaran khalifah Allah di bumi. Dalam pada itu, dunia mempunyai nilai dan maknanya yang tersendiri meskipun lekas berubah dan serba fana. Ini disebabkan dunia ialah tempat ujian tingkah laku manusia untuk menentukan sama ada kehidupan abadinya akan penuh azab sengsara ataupun penuh kenikmatan.”

Pentingnya manusia meletakkan diri sebagai hamba-Nya turut ditekankan dalam karya ketatanegaraan seperti *Taj al-Salatin*. Menerusi karya tersebut, Bukhari menyarankan agar manusia yang ingin berlaku adil pada diri harus tunduk menyembah Tuhannya dengan penuh khusyuk dan tawaduk. Setiap manusia wajib melaksanakan segala perintah yang telah disuruh-Nya dan meninggalkan setiap larangan-Nya. Prinsip “amar makruf, nahi mungkar” iaitu menggalakkan kebajikan dan mencegah kemungkaran harus diletakkan sebagai tunjang kehidupan manusia. Hal ini dipaparkan seperti yang berikut (Khalid, 1992: 78),

Adapun dalam kitab *Akhbar as-Salatin* dikatanya terbaik daripada segala raja-raja itulah yang diusahakan dalam segala pekerjaan agama Islam dengan peri syariat Nabi Muhammad Rasulullah s.a.w. dan tidak meninggalkan lima waktu salat itu dengan barang hal adanya, sehingga kelarangan ia kerjakan barang sesuatu pekerjaan yang berlainan dengan hukum syariat kerana kebinasaan agama dan kerajaan pun daripada perbuatan yang bersalahan dengan syariat adanya, dan lagi kelarangan ia beri rakyatnya berbuat barang sesuatu perbuatannya yang bersalahan dengan hukum syariat.

Setiap manusia harus beriman dan bertakwa kepada Allah SWT serta sentiasa melakukan amal salih. Sifat keadilan akan muncul daripada manusia yang selalu bermuhasabah diri dan berusaha menyempurnakan ibadah yang telah difardukan ke atasnya. Selaku pemimpin pula, manusia yang beriman akan berusaha menasihati para pengikutnya agar mengerjakan kebaikan dan menegah amalan yang mendatangkan keburukan (Jelani, 2003: 152).



### **Mematuhi perintah-Nya**

Di samping mengakui kebesaran Tuhan, insan yang adil pada diri perlu meletakkan kedudukan mereka selaku hamba yang wajib tunduk dan patuh dalam menunaikan segala suruhan Allah SWT serta meninggalkan larangannya. Hal ini dapat dilihat dalam teks *Taj al-Salatin* (Khalid, 1992: 165),

Hendaklah yang raja itu dalam hukumnya kerana kesukaran dan kesukaan segala manusia jangan dilalui daripada hukum Allah SWT dan hukum syariat pesuruh-Nya.

Petikan tersebut cuba memaparkan persoalan berhubung dengan kepatuhan akan perintah Allah SWT. Golongan yang patuh akan menerima ganjaran yang baik manakala yang ingkar akan menerima balasnya. Karya ini memberi pengajaran kepada khalayak agar menyedari tanggungjawab dan kewajipan mereka sebagai hamba-Nya di dunia. Mereka perlu menginsafi diri akan kekerdilan mereka di sisi Sang Pencipta. Mereka tidak sepatutnya leka dengan kenikmatan dunia sehingga lupa untuk melaksanakan segala perintah Allah SWT. Hanya dengan menjadi hamba yang taat, iaitu melaksanakan setiap yang disuruh dan meninggalkan segala larangan-Nya akan menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat kelak.

Kepatuhan pada perintah Allah SWT bukan hanya terhad pada diri pemimpin itu sendiri. Seseorang pemimpin juga mempunyai kewajipan untuk memastikan rakyat melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya. Hal ini ditekankan dalam *Kitab Nasihat Raja-Raja* seperti yang berikut (Jelani, 2003: 104),

Maka segala pekerjaan hamba Allah SWT dan umat Muhammad diwakilkan bagi hadrat tuanku. Disuruh daulat tuanku amat-amati mengerjakan pekerjaan agama mereka itu serta disuruh siasat atas mereka itu laki-laki dan perempuan meninggalkan sembahyang lima waktu, dan jangan biarkan segala laki-laki yang akil baligh itu meninggalkan sembahyang Jumaat. Dan disuruh bertutup segala perempuan apabila keluar daripada rumah mereka itu, dan disuruh keluar zakat harta mereka itu apabila sampai nisabnya... Dan lagi hendaklah dilarang dan ditegah daripada pekerjaan yang mungkar seperti berjudi dan sabung, dan mencuri, dan berzina, dan berlaga upama kerbau, dan lainnya daripada segala yang diharamkan Allah SWT dan rasul-Nya.

Sehubungan itu, seseorang pemimpin wajib memastikan rakyatnya sentiasa mengamalkan ajaran agama seperti menunaikan solat lima waktu, solat Jumaat bagi lelaki, menutup aurat bagi wanita semasa keluar rumah dan membayar zakat. Pemimpin juga bertanggungjawab menentukan agar rakyat tidak melakukan kemungkaran dan perkara yang bertentangan dengan ajaran agama seperti berjudi, mencuri serta berzina.

### **Menggunakan akal sebagai panduan**

Akal merupakan fakulti yang membolehkan manusia menerima ajaran Allah SWT dan petunjuk Rasul-Nya (Jelani 2003: 133). Akal menjadikan manusia sentiasa berada pada jalan keadilan dan menjauhkan diri daripada jalan kezaliman. Hal ini kerana akal membolehkan manusia berfikir tentang perkara yang baik dan menghindarkan diri daripada hasutan hawa nafsu. Dengan kata lain, akal menjadi tonggak untuk berfikir secara rasional dan waras sehingga melahirkan

tindakan yang adil. Kepentingan akal dalam mewujudkan manusia yang adil telah dinyatakan oleh Nuruddin al-Raniri menerusi *Bustan al-Salatin* (Jelani, 2003: 135),

Syahadan nyatalah hikayat ini, barangsiapa ada baginya ilmu sekalipun bahawasanya akalunya itulah menyampaikan dia kepada martabat yang ketinggiannya. Dan barangsiapa ada baginya ilmu dan tiada baginya akal, nescaya kembalilah segala pekerjaannya terbalik. Dan barangsiapa ada baginya sempurna akalunya serta alim, nescaya adalah ia di dalam dunia hakim yang bijaksana lagi ikutan segala manusia. Maka bahawasanya, keelokan dan kemuliaan dan kebesaran martabatnya dan kebajikannya segala hal dunianya dan akhiratnya dengan akal jua. Dan kempurnaan segala suatu dengan dia jua. Dari kerana akal itu pohon iman dan pertengahannya dan kesudahannya.

Nuruddin al-Raniri mengibaratkan akal dengan pohon iman, iaitu alat yang membolehkan manusia berfikir dan seterusnya meninggikan martabat kesempurnaan hidup manusia. Manusia yang tidak berakal, iaitu tidak berfikir, menggambarkan kelemahan pohon imannya. Akal bukan sekadar melahirkan ilmu pengetahuan tetapi juga membuahkan rasionaliti dan kewarasan dalam membuat sesuatu keputusan atau tindakan. Hal ini penting agar manusia dapat menggunakan akal fikirnya dengan baik bagi mengelakkan daripada bertindak secara terburu-buru mengikut hawa nafsu ketika melakukan sesuatu perbuatan.

Kepentingan akal dalam melahirkan diri insan yang adil turut ditekankan dalam *Thamarah al-Muhimmah* karangan Raja Ali Haji. Dengan merujuk khusus kepada pemimpin, Raja Ali Haji menyatakan bahawa akal merupakan unsur penting yang menjadikan manusia berilmu pengetahuan dan seterusnya dapat menjalankan hukuman yang adil ke atas para pengikutnya. Hanya dengan ilmu mampu mewujudkan sifat adil dalam dirinya (Hasan, 1996: 180),

“Segala raja-raja dan orang besar-besar jika tiada dengan ilmu dengan apa hendak menghukumkan segala manusia.”

Akal merupakan alat bagi manusia memperoleh pengetahuan tentang ajaran agama dan dapat memandunya melaksanakan tanggungjawab serta kewajipan sebagaimana tuntutan agama. Akal membolehkan manusia berfikir secara rasional tentang adab dan tatacara kehidupan manusia yang baik serta memandu ke arah kebijaksanaan dan keadilan. Akal juga merupakan fakulti yang mencetuskan kebijaksanaan. Justeru keadilan lahir sebagai pancaran kebijaksanaan, iaitu kemampuan manusia meletakkan sesuatu ke tempatnya yang wajar dan menepati keselarasan sifatnya itu. Rentetan itu, timbul keseimbangan dan kesederhanaan dalam pelbagai tindak-tanduk manusia dalam mencari kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat (Syed Muhammad Naquib, 2001: 83-88).

### **Keadilan Seorang Khalifah**

Manusia dijadikan oleh Allah SWT untuk memainkan dua peranan – sebagai hamba yang patuh dan tawaduk pada Pencipta serta sebagai khalifah yang dapat memakmurkan bumi. Sebagai khalifah, manusia diberi tanggungjawab mengelolakan alam semesta untuk kesejahteraan umat manusia. Sebagai wakil Tuhan di muka bumi, manusia juga diberi mandat ketuhanan – menyebarkan rahmat Tuhan, menegakkan kebenaran, membasmi kebatilan dan menegakkan

keadilan. Sebagai hamba, manusia adalah kecil tetapi sebagai khalifah Allah, manusia memiliki fungsi yang sangat besar dalam menegakkan sendi-sendi kehidupan di muka bumi.

Konsep khalifah ini bukan sahaja merujuk secara khusus kepada pemimpin politik kenegaraan sebaliknya boleh dilihat dari sudut pemimpin yang lebih umum. Seseorang pemimpin itu bukan sahaja terdiri daripada raja atau pemerintah tetapi juga boleh merujuk kepada seorang suami yang memimpin isterinya, bapa yang memimpin anak-anaknya, imam yang memimpin makmumnya malahan manusia yang memimpin dirinya sendiri. Hal ini kerana konsep khalifah Allah SWT di muka bumi meliputi dan merangkumi setiap diri manusia (Syed Muhammad Naquib, 1977: 33).

Konsep setiap manusia adalah pemimpin telah dibincangkan secara panjang lebar oleh Bukhari al-Jauhari dalam *Taj al-Salatin*. Menerusi karya tersebut, Bukhari tidak secara terus membincangkan tentang soal pemimpin secara khusus sama ada raja mahupun pembantu raja. Sebaliknya secara berperingkat-peringkat, Bukhari telah memulakan *Taj al-Salatin* dengan membincangkan persoalan kosmologi yang dikaitkan dengan kebesaran Allah SWT dalam empat fasal pertama daripada 24 fasal keseluruhan karya tersebut. Dalam mengupas hal ini, Braginsky (1998: 328-332) telah membahagikan kesemua 24 fasal teks *Taj al-Salatin* kepada empat bahagian berdasarkan kepada dua prinsip utama iaitu prinsip *asl* dan *furu'* (iaitu teras dan cabang) serta prinsip titik fokus (*focal point*). Berdasarkan prinsip-prinsip tersebut, Bahagian I terdiri daripada Fasal 1 hingga 4 (pengenalan diri, pengenalan Khalik, hakikat hidup duniawi dan hakikat kematian); Bahagian II Fasal 5 hingga 9 (pemimpin iaitu raja); Bahagian III Fasal 10 hingga 13 (pembantu raja yang terdiri daripada perdana menteri/wazir, bendahari, hulubalang/panglima, penyurat dan utusan) serta Bahagian IV yang terdiri daripada Fasal 14 hingga 24 (perincian semula Bahagian I, II dan III).

Fasal-fasal tersebut menyentuh tentang hakikat kejadian manusia, hakikat kebesaran Allah SWT, hakikat kehidupan duniawi dan hakikat kematian. Keempat-empat fasal ini mempertegaskan bahawa manusia merupakan ciptaan Allah SWT dan segala bentuk kejadian seperti manusia, dunia dan segala makhluk lainnya adalah ketentuan-Nya (Shaiful, 2007: 477). Hal ini memperjelaskan bahawa setiap manusia itu adalah juga seorang pemimpin kerana mereka melalui proses kejadian yang serupa. Setiap manusia adalah sama sahaja kerana mempunyai asal usul yang serupa (air mani), dicipta oleh Tuhan Yang Satu, diturunkan ke muka bumi untuk menempuh kehidupan dunia yang fana dan akhirnya akan melalui saat-saat kematian. Justeru pemimpin dalam konteks Islam bukanlah semata-mata pemimpin sebuah negara tetapi meliputi sesiapa sahaja termasuklah individu yang mengetuai sesebuah masyarakat, organisasi, kumpulan dan termasuk juga sekecil-kecilnya sebuah keluarga malahan diri individu itu sendiri.

Dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah atau pemimpin ini, keadilan menjadi teras keutamaan. Kewajipan manusia melakukan keadilan dalam segenap aspek kehidupan telah dinyatakan sendiri oleh Allah SWT dalam Al-Quran (Surah *al-Nahl*: 90),

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman....”

Selaku khalifah, manusia bukan sahaja perlu melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan amanah tetapi juga harus adil dalam menyelesaikan segala permasalahan dan menjatuhkan hukuman. Dengan kata lain, keadilan sebagai khalifah dapat dilihat dari segi

seseorang insan itu melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya mengelola dan memakmurkan alam ini demi kesejahteraan umat manusia serta setiap makhluk lainnya secara keseluruhan. Karya-karya sastera tradisional turut memperjelaskan tanggungjawab khalifah untuk menyelenggarakan dengan adil kuasa memegang amanah yang telah diberikan kepadanya bagi memerintah dan mengawal alam menurut kehendak dan keredaan-Nya. Secara khusus, persoalan keadilan sebagai khalifah ini dibincangkan dalam karya-karya bercorak ketatanegaraan. Genre ketatanegaraan ialah sekumpulan karya yang membincangkan soal pemerintahan atau pentadbiran sesebuah negara. Umumnya karya-karya ini menganjurkan suatu tatacara atau ciri-ciri kepimpinan berteraskan Islam yang harus dilaksanakan bagi membentuk kualiti diri positif dalam menegakkan keadilan untuk kemakmuran bersama (Jelani, 2003: 13; Shaiful, 2007: 472-473). Karya-karya seperti *Taj al-Salatin*, *Bustan al-Salatin* dan *Thammarat al-Muhimmah* berperanan memberikan nasihat, panduan dan pedoman kepada khalayak untuk menjadi pemimpin yang adil berdasarkan contoh pengalaman para pemimpin pra-Islam dan Islam sama adil atau zalim mahupun yang kafir atau Islam sebagai perbandingan. Selain karya bercorak ketatanegaraan, hasil kesusasteraan Melayu tradisional yang lain daripada genre hikayat dan historiografi turut menyentuh aspek keadilan yang boleh dicerap dan dicerna oleh khalayak untuk dijadikan panduan.

### **Menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan amanah**

Manusia sebagai seorang pemimpin harus mengetahui tugas dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakannya. Kedudukan sebagai pemimpin bukan bererti sekadar menjadi ketua kerajaan tetapi sebaliknya memikul amanah yang lebih besar daripada Allah SWT sebagai pemimpin kepada segenap lapisan rakyat dan seluruh negara. Tugas kepimpinan akan dinilai oleh Allah SWT di akhirat nanti dan diberikan balasan pahala atau dosa berdasarkan amalan yang dilakukan. Hal ini telah diperjelaskan dalam *Bustan al-Salatin* (Jelani, 2003: 52),

Hai yang amat elok, makanya tuan hambalah yang lagi akan ditanyai Allah Taala pada hari kiamat daripada segala makhluk-Nya. Maka jika kuasa tuan memelihara diri tuan hamba daripada neraka, maka tuan hamba peliharakanlah diri tuan hamba.

Justeru manusia selaku khalifah wajib melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh komited atau istiqamah. Istiqamah bererti ketaatan menjalankan sesuatu suruhan secara terus-menerus (khususnya urusan agama) (*Ensiklopedia Islam*, 2004: 189). Ganjaran pahala yang besar telah dijanjikan oleh Allah SWT kepada pemimpin yang berjaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna, iaitu berpegang teguh pada prinsip keadilan. Pemimpin yang adil akan sentiasa mendapat rahmat Allah SWT sama ada dalam kehidupan di dunia mahupun di akhirat. Menurut *Taj al-Salatin*, pemimpin yang adil akan diberikan ganjaran pahala ‘enam puluh haji’ dan ‘enam puluh tahun sembahyang’ oleh Allah SWT (Khalid, 1992: 66). Oleh yang demikian, para pemimpin dituntut agar sentiasa berpegang teguh pada prinsip keadilan dan menjauhkan diri daripada kezaliman.

Antara ciri pemimpin yang adil ialah sentiasa mendampingi rakyat yang dipimpinnya. Sebagai pemimpin, dia harus sentiasa mengetahui keadaan hidup rakyatnya yang sebenar dengan cara melihat sendiri corak kehidupan mereka. Para pemimpin perlu keluar dan memeriksa kehidupan rakyat jelata di gelandangan. Pemimpin perlu merasai secara langsung susah senang kehidupan rakyat. Pemimpin juga harus menyelami permasalahan dan keperluan

yang dikehendaki oleh rakyat secara terus tanpa melalui perantara. Tegasnya, pemimpin yang adil akan sentiasa memelihara keselamatan dan kesejahteraan hidup rakyatnya.

Kisah tentang peribadi mulia Khalifah Umar al-Khattab yang dikemukakan dalam *Bustan al-Salatin* wajar dicontohi (Jelani, 2008: 24),

Pada suatu malam, Khalifah Umar al-Khattab dan Zaid ibn Muslim (Zayd ibn Aslam) berjalan-jalan di sekitar kota Madinah. Dalam perjalanan tersebut mereka telah berjumpa dengan seorang wanita dan tiga orang anaknya yang sedang kelaparan. Khalifah Umar al-Khattab segera bertanya tentang masalah wanita tersebut dan tentang apa yang sedang dimasaknya. Wanita tersebut menjawab: “Suatu pun tiada di dalam periuk ini, hanya hamba melalikan kanak-kanak ini supaya sangka segala kanak-kanak ini ada hamba menanak makanan, nescaya sabarlah ia.”

Setelah mendengar cerita wanita berkenaan, Khalifah Umar al-Khattab segera kembali ke kota Madinah dan membeli beberapa barang makanan. Zaid ibn Muslim cuba membantu Khalifah Umar al-Khattab untuk membawa barang makanan tersebut tetapi dihalang oleh Khalifah dengan kata-kata: “Hai Zaid ibn Muslim, jikalau engkau menanggung tanggunganku ini maka siapa jua menanggung dosaku pada hari kiamat dan siapa menahan seksa-Nya akan daku?”

Apabila tiba semula di tempat wanita tadi, Khalifah Umar al-Khattab segera memasak barang makanan yang dibawanya dan mempersilakan wanita dan anak-anaknya makan. Wanita tersebut mengucap syukur kepada Tuhan terhadap rezeki yang diperolehnya. Setelah selesai mereka makan, Khalifah Umar al-Khattab berkata kepada wanita tersebut: “Hai perempuan, jangan engkau serapa akan Umar, bahawasanya ia tiada mengetahui khabarmu dan segala khabar anakmu.”

Selaku khalifah yang adil, Khalifah Umar sanggup keluar berjalan-jalan di sekitar kota Madinah untuk melihat dan menyaksikan sendiri kehidupan rakyatnya. Beliau yang menemui seorang wanita bersama tiga orang anaknya yang sedang kelaparan sanggup pulang semula ke kota Madinah untuk membeli barang makanan. Beliau kemudiannya bukan sahaja rela memikul sendiri barang makanan tersebut malahan sanggup memasak barang makanan itu untuk dijamukan kepada keluarga yang daif itu. Sifat mulia Khalifah Umar ini memberi pengajaran dan iktibar kepada pemimpin tentang tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dalam memelihara kebajikan rakyat yang dipimpinnya.

Di samping kisah pemimpin Islam, karya ketatanegaraan Melayu tradisional turut menghidangkan kisah pemimpin bukan Islam yang adil sebagai pedoman dan panduan kepada khalayaknya. Antaranya ialah kisah Nusyirwan Adil yang walaupun seorang raja kafir namun begitu menyanjung tinggi prinsip keadilan. Nusyirwan Adil merupakan seorang raja Parsi yang sering dimuatkan kisahnya dalam karya-karya ketatanegaraan seperti *Bustan al-Salatin* dan *Taj al-Salatin* meskipun beliau bukan beragama Islam. Beliau sering dijadikan contoh sebagai seorang raja kafir yang adil yang harus dijadikan ikutan oleh para pemimpin. Dalam bab III *Bustan al-Salatin* sahaja terdapat 22 cerita tentang Nusyirwan Adil (Jelani 2009: 166).

Dalam *Bustan al-Salatin*, diceritakan kisah Nusyirwan Adil ketika berburu telah menyuruh hulubalangnya pergi membeli garam daripada orang kampung untuk memanggung hasil perburuannya. Beliau telah berpesan agar harga garam tersebut dibayar tanpa

mengurangkan walau sedikit pun “supaya jangan jadi binasa adat”. Hal ini menimbulkan rasa hairan hulubalangnya lalu bertanya, “Ya tuanku Syah Alam, sekadar sedikit harga garam ini kebinasaan jua?” Pertanyaan hulubalang tersebut dijawab oleh Nusyirwan Adil seperti yang berikut (Jelani, 2008: 147),

Tahukah kamu bahawa dahulu kala dalam dunia ini sedikit jua aniaya. Maka tiap-tiap sekali raja-raja yang jadi kerajaan ditambahnya jua aniayanya sedikit itu hingga jadi bertambah-tambah aniaya itu... Jikalau raja itu mengambil sebiji buah kayu nescaya dibantun segala hulubalangnya dan segala hamba sahayanya pohon kayu itu dengan segala akarnya. Dan jika raja itu mengambil dengan aniayanya sebiji telur nescaya diambil hulubalang dan lasykar itu akan segala ayam dan unggas yang dalam negeri itu.

Kisah ini menjadi iktibar dan pengajaran kepada khalayak bahawa seseorang pemimpin perlu sentiasa mengawasi tingkah laku setiap pembesar atau pegawai yang berkhidmat di bawah arahnya agar mereka sentiasa memelihara kebajikan rakyat. Para pemimpin juga wajib menunjukkan contoh teladan yang baik kepada orang bawahannya agar mereka sentiasa mengamalkan budi pekerti yang terpuji terhadap rakyat jelata. Unsur kepimpinan melalui teladan ini diperkukuh dan ditegaskan oleh pengarang *Bustan al-Salatin*, Nuruddin al-Raniri melalui nasihat yang berikut (Jelani, 2008: 147-148),

Nasihat: Seyogianya bagi segala raja-raja yang adil mengambil ibarat dan insaf daripada menengar hikayat ini. Dengarlah hal Raja Nusyirwan Adil lagi dalam kafirnya, betapa ia memelihara dirinya dan akan segala hamba sahayanya daripada berbuat aniaya. Dan dicelanya akan segala raja-raja yang mengadakan aniaya itu.

Barangsiapa mengadakan suatu adat yang kebajikan maka adalah baginya pahala yang diadatkannya itu dan adalah pula baginya seperti pahala orang yang mengamalkan dengan dia. Dan barangsiapa yang mengadakan suatu adat yang kejahatan maka adalah baginya dosa yang diadatkannya itu dan adalah baginya dosa barangsiapa yang mengamalkan dengan dia.

Selain itu, seorang pemimpin yang adil juga perlu memiliki sifat kasih terhadap golongan yang dipimpinya. Sifat kasih ini akan membuatkan pemimpin tersebut sentiasa memikirkan kesejahteraan hidup rakyatnya. Sifat kasih juga akan mendorong pemimpin tersebut sentiasa sabar, pemurah, sopan santun, merendah diri, amanah, rajin, ikhlas, pemaaf dan mesra dengan rakyatnya. Sehubungan itu, rakyat juga akan mengasihi pemimpin berkenaan dan sentiasa mendoakan kesejahteraan pemimpin tersebut.

Sebaliknya pemimpin yang zalim secara langsung telah melanggar prinsip keadilan dalam pemerintahannya. Pemimpin yang bersikap sedemikian tidak akan membawa kebaikan kepada rakyat dan negara sebaliknya mengundang bala bencana serta kehancuran diri sendiri dan negara. Kegagalan menjadi pemimpin yang adil hanya membuatkan rakyat menjadi benci, negara musnah dan kerajaan binasa.

Paparan ini menekankan bahawa seseorang pemimpin wajib memelihara hak rakyatnya dengan adil dan bijaksana. Pencabulan hak dan kezaliman ke atas rakyat akan mendorong kehancuran dan kemusnahan sesebuah kerajaan. Peringatan ini bukan sahaja ditujukan secara khusus kepada raja tetapi juga seluruh manusia kerana setiap manusia dijadikan Allah SWT sebagai khalifah di muka bumi.

### **Adil dalam menyelesaikan permasalahan dan menjatuhkan hukuman**

Manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi harus meletakkan keadilan sebagai tonggak utama dalam menyelesaikan permasalahan dan menjatuhkan hukuman. Sebagai pemimpin, tidak dapat tidak beliau akan sentiasa berhadapan dengan pelbagai pertikaian yang berlaku antara rakyat atau perbuatan jenayah yang dilakukan oleh rakyat yang dipimpinnya. Pada masa tertentu pula, manusia selaku pemimpin akan bertindak sebagai hakim yang perlu mengadili permasalahan yang dikemukakan kepadanya. Justeru beliau hendaklah mengadili setiap permasalahan dan pertikaian dengan penuh usul periksa dan tidak terburu-buru. Jika siasatan tidak dijalankan dengan teliti dan berhati-hati, ditakuti keputusan atau hukuman yang dijatuhkan akan menganiayai pihak-pihak yang terlibat. Hal ini selaras dengan maksud firman Allah SWT: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil...” (Surah *al-Nisa*’: 58). Lebih malang lagi jika pihak yang tidak bersalah pula dihukum manakala pesalah sebenar dibebaskan. Hal ini ditekankan dalam *Bustan al-Salatin* dan *Taj al-Salatin*,

Hendaklah yang raja itu dalam sekalian hukum membilang dirinya itu seperti seorang jua daripada segala rakyat yang mengadukan halnya akan dia, dan samalah ia jua dengan segala rakyat itu.

(Khalid, 1992: 163)

Nasihat: Seyogianya bagi segala raja-raja yang adil, hendaklah ia menghukumkan atas segala menterinya dan segala keluarganya yang berbuat aniaya supaya jangan mereka itu berbuat aniaya atas segala rakyatnya yang daif dan yang miskin.

(Jelani, 2003: 156)

Selaku pemimpin yang adil, dia harus sanggup menjatuhkan hukuman berat walaupun terhadap anak kandungnya sendiri. Meskipun mempunyai kuasa untuk memberikan pengampunan atau meringankan hukuman, beliau hendaklah tega menghukum bunuh anak-anaknya yang telah melanggar syariat Allah SWT. Ketegasan seseorang pemimpin dalam menegakkan keadilan telah menyebabkan beliau begitu dihormati dan disayangi oleh rakyat. Pemimpin yang berfikiran hebat, tingkah laku kamil, nilai hidup kudus, berjiwa besar, berpandangan jauh dan berani melakukan perubahan akan berjaya membentuk sebuah bangsa dan tamadun yang hebat (Andi, Suhana & Azmi, 2015).

### **Keadilan dalam Konteks Kontemporari**

Dalam konteks moden, keadilan tetap menjadi tonggak kepimpinan raja-raja Melayu. Malaysia pada hari ini merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan. Kewujudan institusi raja pada masa kini merupakan kesinambungan daripada tradisi kesultanan Melayu yang diwarisi sejak zaman silam. Selepas mengecapi kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, kedudukan institusi raja diperkukuhkan dan dilindungi oleh undang-undang yang termaktub dalam perlembagaan negara. Raja merupakan Ketua Negeri bagi negeri-negeri yang di bawah pemerintahannya (kecuali Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak). Yang di-Pertuan Agong

akan dilantik setiap lima tahun sekali dari kalangan raja-raja Melayu tersebut mengikut giliran. Dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 32 (1), Yang di-Pertuan Agong akan bertindak sebagai “kepala utama negara”. Hal ini dijelaskan seperti berikut (*Perlembagaan Persekutuan Malaysia*, 2014),

32. (1) Maka hendaklah ada seorang Ketua Utama Negara bagi Persekutuan, digelar Yang di-Pertuan Agong, yang hendaklah diberi keutamaan daripada segala orang di dalam Persekutuan dan yang tidak boleh dikenakan apa-apa jua pun prosiding di dalam manamana mahkamah kecuali di dalam Mahkamah Khas yang ditubuhkan di bawah Bahagian XV.

Selain itu, suatu badan khusus berkaitan dengan raja iaitu Majlis Raja-raja turut dibentuk melalui Perlembagaan Persekutuan. Majlis Raja-Raja merupakan sebuah badan rasmi yang ditubuhkan mengikut Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai tempat bagi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri bertemu dan berbincang. Dalam beberapa perkara yang tertentu, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kerajaan supaya memperolehi nasihat daripada Majlis Raja-Raja. Urusan pemilihan dan perlantikan Yang di-Pertuan Agong juga terletak pada Majlis Raja-Raja. Selain itu, majlis ini merupakan kuasa tertinggi dalam hal ehwal Islam di Malaysia. Majlis ini dianggotai oleh semua sembilan Raja Melayu dan empat Yang di-Pertua Negeri di Malaysia. Mengikut peraturan hanya Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Raja-Raja sahaja yang layak mempengerusikan mesyuarat dan ia dipengerusikan mengikut giliran yang ada dalam susunan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis. YAB Menteri Besar dan Ketua Menteri hadir sebagai penasihat kepada DYMM Raja-Raja dan TYT Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri masing-masing. Majlis ini adalah institusi tunggal yang sedemikian rupa wujud di dunia pada masa kini. Fungsi Majlis Raja-raja menurut *Perlembagaan Persekutuan Malaysia* (2014) adalah seperti berikut,

- (a) memilih Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong mengikut peruntukan Jadual Ketiga;
- (b) mempersetujui atau tidak mempersetujui supaya apa-apa perbuatan, amalan atau upacara agama diperluas ke Persekutuan secara menyeluruh;
- (c) memperkenankan atau tidak memperkenankan apa-apa undang-undang dan membuat atau memberikan nasihat mengenai apa-apa pelantikan yang di bawah Perlembagaan ini dikehendaki diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja atau dikehendaki dibuat oleh atau selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja;
- (d) melantik anggota Mahkamah Khas di bawah Fasal (1) Perkara 182;
- (e) memberi ampun, tunda hukum dan lega hukum, atau meremitkan, menggantung atau meringankan hukuman, di bawah Fasal (12) Perkara 42,
- (f) dan boleh menimbang teliti soal-soal mengenai dasar negara (misalnya perubahan tentang dasar imigresen) dan apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut.

Walaupun sudah memasuki era moden, roh keadilan tetap menjadi teras dalam sistem raja berperlembagaan. Raja-raja Melayu tetap mempunyai kewajipan untuk melaksanakan peranannya selaku khalifah Allah SWT dan hamba-Nya. Raja (Yang di-Pertuan Agong) tetap memainkan peranan sebagai pemerintah tertinggi negara berlandaskan perlembagaan. Raja juga



masih menjadi ketua agama dan bertanggungjawab dalam hal ehwal agama Islam selain daripada adat istiadat negeri. Hal ini ditegaskan dalam *Perlembagaan Persekutuan Malaysia* (2014) seperti berikut,

(2) Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.

(3) Perlembagaan-Perlembagaan Negeri Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak hendaklah masing-masing membuat peruntukan bagi memberi Yang di-Pertuan Agong kedudukan sebagai Ketua agama Islam di Negeri itu.

(4) Tiada apa-apa jua dalam ini mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam Perlembagaan ini.

(5) Walau apa pun apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Agama Islam di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan bagi maksud ini Parlimen boleh melalui undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengawal selia hal ehwal agama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan agama Islam.

Jika dahulu raja memainkan peranan sebagai penaung kegiatan keilmuan di istana, tugas tersebut masih berterusan pada masa kini melalui pelantikan sebagai canselor di universiti tempatan. Sebagai contoh, Yang di-Pertuan Agong Ke-XV Sultan Muhammad V telah dilantik menjadi Canselor Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM). Sebagai Canselor, baginda akan berangkat bercemar duli ke setiap istiadat konvokesyen yang dianjurkan universiti berkenaan.

Hubungan mesra dan harmoni antara raja dengan rakyat masih kekal diamalkan sehingga sekarang. Misalnya melalui penganjuran majlis sambutan hari keputeraan di istana, penganugerahan pingat kepada rakyat yang berjasa dan lawatan ke ceruk desa bagi meninjau permasalahan rakyat. Segala peraturan, peranan, tugas dan nasihat tentang hubungan harmoni antara raja dan rakyat ada dipaparkan dalam karya-karya ketatanegaraan Melayu tradisional dan diteruskan dalam era kontemporari sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

## KESIMPULAN

Antara elemen utama yang membentuk corak kepimpinan dalam Islam ialah keadilan. Sebagai karya yang bersifat adab, aspek keadilan turut disuguhkan menerusi reruang ketatanegaraan

Melayu tradisional sebagai pedoman khalayak dalam usaha membentuk jiwa dan peribadi mereka. Unsur keadilan yang dipaparkan menerusi teks-teks tradisional ini bukan sahaja melibatkan keadilan pada diri sendiri tetapi juga keadilan seorang khalifah. Setiap diri insan itu bukan sahaja khalifah Allah SWT di muka bumi malahan hamba-Nya. Justeru setiap insan perlulah melaksanakan dwi-peranan tersebut dengan adil dan seimbang. Adil pada diri bererti meletakkan diri sebagai hamba-Nya, mematuhi segala perintah-Nya dan menggunakan akal sebagai panduan kehidupan. Sebagai khalifah pula, adil melibatkan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab dengan amanah serta adil dalam menyelesaikan permasalahan dan menjatuhkan hukuman. Kedua-dua bentuk keadilan ini perlu diimplementasikan dalam diri setiap insan dalam melahirkan pemimpin yang ideal dan sempurna.

Inti pati karya-karya ketatanegaraan Melayu tradisional menjadi sumber penting dalam penentuan dasar pemerintahan negara, pembentukan sistem undang-undang dan penjelmaan jati diri bangsa pada era moden kini. Kebitaraan dan ketinggian nilai teks-teks ketatanegaraan dalam menggariskan pelbagai pedoman dan ajaran kepada golongan pemerintah seharusnya memberikan iktibar kepada raja-raja Melayu dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Segala panduan pentadbiran dan kisah didaktik yang dipaparkan bersifat universal dan sesuai dijadikan teladan oleh raja Melayu dari dahulu hingga sekarang.

#### RUJUKAN

- al-Ghazali. 2000. *Pedoman Orang Mukmin*. Alih bahasa oleh Haji Osman Jantan. Singapura: Pustaka Nasional.
- Andi Nurfitri, Suhana Saad & Azmi Aziz. 2015. Membangun Kepimpinan Organisasi Berasaskan Budaya Lokal: Suatu Analisis Perbandingan. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space* 11 (9): 54-66.
- Braginsky V.I. 1994. *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky V.I. 1998. *Yang Indah, Berfaedah dan Kamal: Sejarah Sastera Melayu dalam Abad 7-19*. Jakarta: INIS.
- Ensiklopedia Islam*. 2004. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hari Zamharir. 1985. Insan Kamil: Citra Sufistik al-Jilli tentang Manusia. Dlm. M. Dawam Rahardjo (ed.). *Konsepsi Manusia Menurut Islam*, hlm. 107-126. Jakarta: Pustaka Grafitipers.
- Hasan Junus. 1996. *Raja Ali Haji dan Karya-karyanya*. Riau: Pusat Pengajian Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Universitas Riau.
- Jelani Harun. 2003. *Pemikiran Adab Ketatanegaraan Kesultanan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2008. *Bustan al-Salatin: Kisah Raja-raja yang Adil*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jelani Harun. 2009. *Bustan al-Salatin (The Garden of Kings): A Malay Mirror for Rulers*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Khalid M Hussain. 1992. *Taj al-Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Norizam Jamian. 2012. Kesusasteraan Melayu Tradisional dari Perspektif Adab: Suatu Perbincangan Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Tesis Sarjana Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Muhd Norizam Jamian dan Shaiful Bahri Md Radzi. 2016. Traditional Malay Literature and the Generation of Knowledge. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities* 24(S): 87-96.
- Nazri Muslim & Abdul Latif Samian. 2012. *Wacana Teori dan Strategi Kepimpinan Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Asma Ab Aziz dan Muhd Norizam Jamian. 2016. Akhlak Pemimpin dalam *Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu Analisis Pendekatan Adab*. *Jurnal Melayu* 15(1): 50-66.
- Noridah Kamari. 2008. Dari Mestika ke Sang Pencinta: Nada-nada Sufi M. Nasir Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Perlembagaan Persekutuan Malaysia*. 2014. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Rahmani Timorita Yulianti & Ratnawati Yuni Suryandari. 2014. Suatu Ulasan Kritis tentang Peranan Kepimpinan dalam Membangun Profesionalisme Institusi Zakat. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space* 10(2): 143-153.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1990. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. 2001. *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. 1982. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali dan Salinah Ja'afar. 2012. Pemeraksanaan Modal Insan: Pembentukan Sikap dan Akhlak Islamiah dalam Novel. *Jurnal Melayu* (9): 55-73.
- Ungku Maimunah Mohd Tahir. 2010. *Kedudukan Ilmu dalam Kesusasteraan: Teori & Praktis*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2005. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad dan Nuwairi Khaza'ai. 2012. Pantun dan Ungkapan Melayu sebagai Wahana Kepimpinan Melayu ke Arah Pembangunan Modal Insan. *Jurnal Melayu* (9): 155-170.

**Biodata Penulis:**

**Muhd Norizam Jamian**

Penulis merupakan pensyarah di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Kesusasteraan Melayu Tradisional.

**Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff**

Penulis merupakan pensyarah di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Sosiobudaya & Pengajian Warisan.

**Muammar Ghaddafi Hanafiah**

Penulis merupakan pensyarah di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Pemikiran dan Kebudayaan Melayu Islam.

**Yusmilayati Yunos**

Penulis merupakan pensyarah di Pusat Penyelidikan Bitara Melayu Melayu (BAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah Tib Jawa Melayu.